



**PEKELILING AKADEMIK BIL. 40/2023**

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2023/2024**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 akan diadakan mulai **22 Januari hingga 11 Februari 2024**.

2. Sehubungan itu, saudara/i diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam urusan Pengesahan Kursus dan Draf Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024. Urusan Pengesahan Kursus dan Jadual Waktu Peperiksaan perlu dibuat melalui <http://smplucee.ukm.my/smpweb> mulai **4 hingga 10 Disember 2023**. Tindakan yang pelajar perlu lakukan adalah seperti berikut:

- i) Membaca dan mengesahkan **Borang Aku Janji pelajar** di SMPWEB
  - ii) Menyemak dan mengesahkan senarai kursus yang telah didaftarkan.  
Sila SAHkan jika semua maklumat adalah tepat dan jadual peperiksaan tidak bertindan antara satu sama lain; atau  
Pilih Bahagian AKADEMIK untuk pindaan. Pindaan hanya dibenarkan jika jadual bertindan atau **3 kursus yang dijadualkan secara berturutan dalam satu hari SAHAJA**.
  - iii) Maklumat pindaan perlu dimaklumkan kepada Timbalan Dekan (Prasiswazah) selewat-lewatnya pada **11 Disember 2023**, untuk dikumpulkan dan dimaklumkan kepada pihak AKADEMIK UKM untuk tindakan selanjutnya.
3. Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, caj denda sebanyak **RM15.00** akan dinaikan dalam hutang pelajar. Bayaran denda boleh dibuat melalui portal ekewangan <https://ekewangan.ukm.my/> (Pilih Bayaran Tanpa Invois) tanpa perlu menghantar Salinan Resit Bayaran kepada AKADEMIK UKM.
4. Semua pelajar boleh mengakses dan mencetak Kad Masuk Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPWEB mulai **1 Januari 2024 sehingga peperiksaan akhir tamat**. Pelajar adalah dinasihatkan untuk menjelaskan semua hutang dengan universiti untuk mengelakkan keputusan peperiksaan akhir **disekat**. Sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran yuran pengajian/hutang, **sila berurusan dengan Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari, UKM**.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan  
Fakulti/Pusat
  - Pengarah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum  
(Pengajaran-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat
  - Ketua, Unit Kewangan Pelajar  
Jabatan Bendahari
  - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)  
Pusat Pengurusan Akademik
  - Ketua Pentadbiran  
Fakulti/Institut/Pusat
  - Yang Dipertua  
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)